

Trip Paling Win Campaign FY2025

Terma & Syarat

1. Kempen Trip Paling Win 2025 ("**Kempen**") dianjurkan oleh Etiqa General Insurance Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 197001000276) dan Etiqa General Takaful Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 201701025031) (secara kolektif dirujuk sebagai "**Syarikat**") dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 3E di bawah) dengan ini bersetuju untuk terikat kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini, dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank dan Etiqa berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

2. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta:

- bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini;
- bersetuju bahawa setiap rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem Etiqa sepanjang Tempoh Kempen ini berdasarkan tarikh dan masa tempatan adalah tepat dan muktamad;
- bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad. Sebarang rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
- bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka didedahkan kepada pihak-pihak yang dibenarkan termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Kempen;
- bersetuju untuk membenarkan Etiqa untuk menyiarkan nama mereka, gambar yang diambil, atau maklumat yang diberikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti, semasa dan pada masa hadapan, dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini tanpa sebarang pampasan;
- tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak kepada sebarang pampasan daripada Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang limitasi, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Kempen ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada pengubahan, pembatalan, atau penangguhan Kempen ini.
- tidak akan mempertikaikan atau membuat aduan, pengumuman, atau pernyataan umum mengenai perkara yang sama, sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

3. Kelayakan

A. Kempen ini terbuka kepada individu yang memenuhi kriteria berikut:



- Mendaftar untuk TripCare 360 Insurance atau TripCare 360 Takaful ("**Transaksi Layak**") semasa tempoh kempen.

B. Kempen ini terbuka kepada individu berumur lapan belas (18) tahun ke atas dengan dokumen pengenalan diri yang sah, warganegara Malaysia, dan menetap di Malaysia.

C. Tidak merupakan ahli komuniti penganjur, panel juri, atau ahli keluarga terdekat mereka.

D. Menyediakan maklumat perhubungan yang sah termasuk alamat, alamat e-mel dan nombor telefon (maklumat perhubungan yang tidak lengkap akan menyebabkan peserta tidak layak menerima hadiah).

E. Semua pelanggan individu yang telah memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausa 3A, 3B, 3C dan 3D serta telah melaksanakan Transaksi Layak dengan jayanya akan selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**". Pelanggan Layak akan secara automatik layak untuk menyertai Kempen ini.

4. Mekanik Kempen

A. Kempen ini akan bermula pada 1 November 2025 jam 12:00 pagi MYT dan berakhir pada 31 Disember 2025 jam 11:59 malam MYT ("Tempoh Kempen"). Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan dibatalkan dan dianggap tidak layak untuk dipertimbangkan.

- Pelanggan/Peserta Layak yang mendaftar mana-mana Produk Layak sepanjang Tempoh Kempen akan secara automatik layak untuk penyertaan cabutan bertuah, dan bilangan penyertaan yang layak adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

- Bilangan penyertaan cabutan bertuah yang diberikan adalah berdasarkan tahap kempen ("Tahap") seperti di atas, dan pada akhir Tempoh Kempen, akan terdapat sejumlah empat puluh tujuh (47) pemenang ("Pemenang").

Tahap	Bilangan Pernyertaan	Hadiah-hadiah
Tahap 1: Daftar pelan TripCare 360 Insurans atau Takaful dengan Pelan Perak	1 penyertaan	•DJI Osmo Pocket 3 (bernilai RM2,999 seunit) x 11 unit
Tahap 2: Daftar pelan TripCare 360 Insurans atau Takaful dengan Pelan Emas	2 penyertaan	•Apple AirPods 4 (bernilai RM599 seunit) x 36 unit
Tahap 3: Daftar pelan TripCare 360 Insurans atau Takaful dengan Pelan Platinum	5 penyertaan	

- Etiqa dan Maybank merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM").
- Manfaat yang dibayar di bawah produk layak adalah dilindungi oleh PIDM tertakluk kepada had perlindungan. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi Etiqa General Insurance Berhad/Etiqa General Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

5. Hadiah-hadiah

- Pemenang akan dipilih melalui system randomizer dengan kehadiran saksi untuk memerhati dan mengesahkan keadilan serta ketelusan cabutan. Saksi akan mengesahkan bahawa proses pemilihan telah dijalankan mengikut peraturan dan syarat Kempen.
- Jika berkenaan, semua Polisi/Sijil mestilah masih berkuat kuasa pada masa pemenang Hadiah diumumkan dan Pelanggan/Peserta Layak yang membatalkan atau menyerahkan polisi/sijil mereka sebelum pengumuman tersebut tidak lagi layak untuk Hadiah.
- Setiap Pelanggan/Peserta Layak hanya boleh memenangi satu (1) hadiah SAHAJA di bawah Kempen ini.
- Pemenang akan dimaklumkan secara rasmi oleh Etiqa melalui e-mel atau panggilan telefon menggunakan maklumat hubungan yang diberikan semasa penyertaan.
- E-mel pemberitahuan tersebut akan mengandungi surat rasmi pemenang ("Surat Pemenang").
- Etiqa berhak untuk menukar atau menggantikan Hadiah dengan item lain yang bernilai setara atau hampir sama tanpa notis terlebih dahulu.
- Hadiah yang diberikan tidak bertujuan untuk mengubah terma dan syarat polisi/sijil yang dikeluarkan, yang tertakluk kepada peraturan pemprosesan dan

pengunderaitan standard Syarikat. Etiqa tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang timbul daripada atau berkaitan dengan kempen ini.

H. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar, tidak boleh ditebus dengan wang tunai, sama ada sebahagian atau sepenuhnya dan tertakluk kepada Terma & Syarat yang dinyatakan di sini. Sebarang permintaan untuk menukar Hadiah atau mana-mana bahagiannya, penampilan atau aksesori tidak akan dilayan.

I. Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Etiqa dengan ini dikecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau sokongan, sama ada tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan berkaitan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan Hadiah.

6. Penebusan Hadiah

A. Pemenang adalah bertanggungjawab terhadap sebarang cukai yang perlu dibayar hasil daripada penerimaan Hadiah (jika berkenaan).

B. Hadiah hanya akan dihantar kepada setiap Pemenang sekali sahaja. Kegagalan untuk menerima atau mengambil penghantaran tidak akan diganti, dan sebarang permintaan untuk menuntut hadiah tidak akan dilayan.

C. Penganjur berhak untuk menggantikan Hadiah dengan item lain yang bernilai setara tanpa sebarang notis terdahulu. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan/atau ditukar dengan wang tunai, kredit atau barangan lain, dan akan diberikan dalam keadaan "seadanya".

D. Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Etiqa dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang pernyataan, jaminan atau pengendorsan, sama ada secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan hadiah-hadiah tersebut.

E. Pengumuman Pemenang (contohnya nama dan nombor MyKad yang dipaparkan sebahagiannya) juga akan dibuat di media sosial Etiqa.

7. Terma & Syarat Am

A. Maybank dan Etiqa tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan berhubung dengan sebarang kegagalan teknikal dalam apa-apa jua bentuk, gangguan, intervensi, serta ralat elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e, dengan syarat kegagalan tersebut bukan disebabkan oleh Maybank.

B. Maybank dan Etiqa berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, serta berhak untuk meminda mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari ("hari" hendaklah membawa maksud hari kalendar). Notis tersebut akan disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui mana-mana saluran lain yang ditentukan sesuai oleh Maybank. Pelanggan Layak mempunyai tanggungjawab untuk mendapatkan maklumat atau merujuk kepada sebarang notis yang disiarkan secara sah.

C. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara berkala bagi menyemak terma dan syarat ini serta mendapatkan penjelasan daripada Maybank sekiranya terdapat mana-mana terma dan syarat yang tidak difahami sepenuhnya.

D. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank selaras dengan Pernyataan Privasi Maybank yang boleh dilihat di www.maybank2u.com.my ("Pernyataan Privasi Maybank") dan www.etiqa.com.my ("Pernyataan Privasi Etiqa") and dan Borang PDPA untuk Pelanggan Individu.

Selain itu, tanpa menjejaskan terma dalam Pernyataan Privasi Maybank dan Pernyataan Privasi Etiqa serta Borang PDPA untuk Pelanggan Individu, Pelanggan Layak bersetuju dan memberi kebenaran supaya data atau maklumat peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank dan Etiqa bagi tujuan berikut:

i. bagi tujuan Kempen; dan

ii. bagi aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank dan Etiqa, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio, media dalam talian dan digital serta di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi ini termasuk tanpa had kepada penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang diberikan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual serta jawapan dan gambar berkaitan. Sehubungan itu, Pelanggan Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.

Nota: "PDPA" merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

E. Maybank, Etiqa serta pegawai, pekerja, kakitangan, wakil dan/atau ejen mereka (termasuk tanpa had mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan Layak dalam Kempen ini bagi sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini, kecuali jika disebabkan oleh sebarang kecuaiian melampau atau ketinggalan oleh Maybank dan Etiqa.

F. Maybank dan Etiqa tidak akan bertanggung bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank dan Etiqa.

G. Maybank dan Etiqa berhak untuk membatalkan kelayakan/menolak mana-mana Pelanggan Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini, termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan tipu daya dan/atau perdayaan dan/atau perbuatan menipu berhubung dengan Kempen ini.

H. Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir oleh Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan yang berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif, bagi maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my. atau; hubungi Khidmat Pelanggan Etiqa di 1300 13 8888. Sebagai alternatif, untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Etiqa di info@etiqa.com.my.